

PENGUASAAN TEKNIK KEMAHIRAN FASILITATOR DALAM PELAKSANAAN
PEMBELAJARAN BERPUSATKAN PELAJAR DI UNIVERSITI TUN HUSSEIN
ONN MALAYSIA

SITI NOR AINSYAH BINTI ISMAIL

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JUN 2015

DEDIKASI

Bingkisan ini ditujukan khas buat:

Ayahanda dan bonda yang kusayangi iaitu Ismail Bin Ideris dan Azizah Binti Ismail serta ahli keluarga yang lain kerana sentiasa memberikan dorongan yang tidak pernah putus buat diri ini meneruskan misi pencarian ilmu sehingga ke saat ini.

Tidak lupa buat penyelia projek sarjana yang dihormati dan dikagumi Dr. Alias Bin Masek kerana telah memberi bimbingan dan dorongan di sepanjang tempoh untuk menyiapkan projek ini.

Buat pensyarah-pensyarah Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) yang telah memberi kerjasama sepanjang proses pengumpulan data serta rakan-rakan seperjuangan kerana telah membantu dan memberikan pandangan serta dorongan yang tidak pernah putus.

Terima kasih diucapkan buat semua, setiap jasa yang diberikan amatlah dihargai dan akan dikenang sampai akhir hayat. Semoga ALLAH sentiasa melimpahkan rahmat dan nikmatnya buat kita semua.

Amin..

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Alhamdulillah, dengan izin, rahmat dan belas kasihan dari-NYA, projek Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional ini telah berjaya disempurnakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih dirakamkan kepada *Dr. Alias Bin Masek* selaku penyelia kerana telah banyak memberi idea, bimbingan, motivasi dan sokongan di sepanjang proses untuk menyiapkan projek ini. Tanpa inspirasi dan dorongan dari beliau, projek ini tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Terima kasih juga diucapkan kepada panel penilai, *Prof. Dr. Jailani Bin Md Junos* dan *Dr. Azita Binti Ali* atas kesudian untuk menilai dan memberi komen yang membina di samping membantu dalam pemurnian laporan akhir. Tidak dilupakan buat pensyarah-pensyarah di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia telah memberi kerjasama yang baik sebagai responden kajian.

Terima kasih tidak terhingga buat kedua ibu dan bapa serta ahli keluarga yang tersayang di atas dorongan yang berpanjangan. Tidak lupa buat rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa ada untuk membantu sepanjang pelaksanaan kajian ini.

Kerjasama dan dorongan yang diberikan amatlah berharga buat diri ini bagi menyiapkan laporan kajian ini. Semoga ALLAH sentiasa melimpahkan kesejahteraan dan kenikmatan buat kalian semua. Sekian Terima Kasih.

ABSTRAK

Dalam pelaksanaan pembelajaran berpusatkan pelajar (PBP), ia menuntut pelajar untuk belajar secara aktif dan membiasakan diri dalam situasi pembelajaran ini, manakala pensyarah sebagai fasilitator. Namun, disebabkan PBP masih kurang dipraktikkan, sebilangan pensyarah masih kurang berkeyakinan untuk mengaplikasikan teknik kemahiran fasilitator semasa PBP. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bagi mengetahui sejauhmana penguasaan pensyarah terhadap teknik kemahiran fasilitator dalam pelaksanaan PBP. Berdasarkan kepada Model Fasilitasi Heron (2006), kajian ini memfokuskan penguasaan pensyarah terhadap dimensi kemahiran fasilitator dan jenis mod fasilitator yang sering digunakan dalam PBP. Tinjauan secara kuantitatif menggunakan soal selidik telah dijalankan dengan melibatkan 177 orang responden yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah dari semua fakulti di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Dapatan kajian menunjukkan dimensi kemahiran fasilitator adalah pada tahap tinggi bagi setiap dimensi dan mod fasilitator yang sering digunakan oleh pensyarah ialah mod kooperatif. Walaubagaimanapun, pensyarah tetap menggunakan mod fasilitator yang lain mengikut kesesuaian. Dapatan juga menunjukkan tiada perbezaan penguasaan pensyarah terhadap dimensi kemahiran fasilitator dan tiada perbezaan mod fasilitator yang digunakan berdasarkan pengalaman bekerja. Justeru itu, dapat disimpulkan bahawa pensyarah-pensyarah di UTHM mempunyai tahap penguasaan yang baik dan mengaplikasikan teknik kemahiran fasilitator dalam PBP berdasarkan Sistem Fasilitasi Heron (2006).

ABSTRACT

In the implementation of student-centered learning (SCL), it requires students to actively learn and familiarize themselves in this learning situation while the lecturer as a facilitator. However, some lecturers lack of confidence to apply the facilitation technique during SCL implementation. Therefore, this study was undertaken to determine the extent of the lecturer's mastering the facilitation technique in the implementation of SCL. Based on Heron Facilitation Model (2006), this study focused on mastering the facilitator skill dimension and the facilitator mode that is often used by lecturers in SCL. A quantitative survey by using a questionnaire was conducted involving 177 respondents comprising lecturers from all the faculties in the University of Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). The findings show that the dimensions of facilitator skills are at a high level for each dimension and facilitator mode is often used by lecturers are cooperative mode. However, they still used another mode as appropriate. The findings also showed no difference in the mastery of the dimension of facilitator skill and the mode of facilitator used by lecturers based on working experiences. Thus, it can be concluded that lecturers in UTHM have a good level of mastering facilitation technique and they apply it in SCL implementation by using Heron Facilitation Model (2006).

KANDUNGAN

	JUDUL	i
	PERAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1	Pengenalan	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4
	1.3 Pernyataan Masalah	8
	1.4 Objektif Kajian	9
	1.5 Persoalan Kajian	9
	1.6 Hipotesis Kajian	10
	1.7 Kepentingan Kajian	10
	1.8 Skop Kajian	12
	1.9 Kerangka Konsep Kajian	12
	1.10 Definisi Terminologi	14
	1.11 Rumusan	16
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	17

2.1	Pengenalan	17
2.2	Pendidikan Teknik Dan Vokasional	18
2.2.1	Strategi Kelestarian Pembangunan Pendidikan Teknik dan Vokasional	19
2.2.2	Cabaran Pembangunan Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia	20
2.3	Pembelajaran Berpusatkan Pelajar	22
2.3.1	Strategi Dan Prinsip Pembelajaran Berpusatkan Pelajar	23
2.3.2	Suasana Pembelajaran Aktif Dalam Pembelajaran Berpusatkan Pelajar	26
2.3.3	Pendidik Sebagai Fasilitator Dalam Pembelajaran Berpusatkan Pelajar	27
2.4	Model Fasilitasi Dalam Pembelajaran Berpusatkan Pelajar	30
2.4.1	Gaya Kepimpinan Lewin (1939)	31
2.4.2	Teori Situasi Kepimpinan Hersey dan Blanchard (1982)	32
2.4.3	Model Fasilitasi Heron (2006)	34
2.5	Kajian Terhadap Dimensi Kemahiran Fasilitator	37
2.6	Kajian Terhadap Mod Fasilitator	39
2.7	Rumusan	42
BAB 3	METODOLOGI	43
3.1	Pengenalan	43
3.2	Rekabentuk Kajian	43
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	44
3.4	Kerangka Operasi Kajian	46
3.5	Instrumen Kajian	47
3.6	Kajian Rintis	51
3.7	Pengumpulan Data	53
3.8	Penganalisaan Data	54

	3.9 Rumusan.	56
BAB 4	ANALISIS DATA	57
	4.1 Pengenalan	57
	4.2 Analisis Ujian Normaliti	58
	4.3 Analisis Demografi Responden	60
	4.3.1 Analisis Mengikut Jantina	61
	4.3.2 Analisis Mengikut Pengalaman Bekerja	61
	4.3.3 Analisis Mengikut Fakulti	62
	4.4 Analisis Persoalan Kajian	63
	4.4.1 Analisis Penguasaan Dimensi Kemahiran Fasilitator oleh Pensyarah	64
	4.4.2 Analisis Mod Fasilitator Yang Digunakan oleh Pensyarah	71
	4.4.3 Analisis Penguasaan Dimensi Kemahiran Fasilitator oleh Pensyarah Berdasarkan Faktor Pengalaman Bekerja	75
	4.4.4 Analisis Mod Fasilitator Yang Digunakan oleh Pensyarah Berdasarkan Faktor Pengalaman Bekerja	76
	4.5 Rumusan Dapatan Kajian	77
	4.6 Rumusan	79
BAB 5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	80
	5.1 Pengenalan	80
	5.2 Penguasaan Pensyarah Terhadap Dimensi Kemahiran Fasilitator Dalam Pelaksanaan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar	80
	5.3 Mod Fasilitator Yang Digunakan Oleh Pensyarah Dalam Pelaksanaan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar	83
	5.4 Perbezaan Penguasaan Dimensi Kemahiran Fasilitator Oleh Pensyarah Dalam Pelaksanaan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar Bagi Aspek Pengalaman Bekerja	85



5.5	Perbezaan Mod Fasilitator Yang Digunakan Oleh Pensyarah Dalam Pelaksanaan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar Bagi Aspek Pengalaman Bekerja	86
5.6	Kesimpulan	88
5.7	Cadangan Kajian	89
5.8	Cadangan Kajian Lanjutan	90
5.9	Penutup	92
	RUJUKAN	93
	LAMPIRAN	101



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

2.1	Teori Situasi Kepimpinan Hersey & Blanchard	32
2.2	Dimensi Kemahiran Fasilitator	34
2.3	Mod Fasilitator	35
3.1	Bilangan Populasi Pensyarah Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	45
3.2	Skala Likert	49
3.3	Interpretasi Skor α Berdasarkan Bond dan Fox (2007)	52
3.4	Item-item Yang Disingkirkan	52
3.5	Tahap Skor Min	54
3.6	Interpretasi Skor Analisis ANOVA	55
3.7	Kaedah Menganalisis Data	56
4.1	Keputusan Ujian Normaliti Berdasarkan <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i>	59
4.2	Keputusan Ujian Normaliti Berdasar <i>Kolmogorov-Smirnov</i>	60
4.3	Penguasaan Dimensi Kemahiran Fasilitator Bagi Elemen Perancangan	65
4.4	Penguasaan Dimensi Kemahiran Fasilitator Bagi Elemen Maksud	66
4.5	Penguasaan Dimensi Kemahiran Fasilitator Bagi Elemen Menghadapi	67
4.6	Penguasaan Dimensi Kemahiran Fasilitator Bagi Elemen Perasaan	68
4.7	Penguasaan Dimensi Kemahiran Fasilitator Bagi Elemen Penstrukturan	69
4.8	Penguasaan Dimensi Kemahiran Fasilitator Bagi Elemen	70

	Bernilai	
4.9	Skor Min dan Sisihan Piawai Secara Keseluruhan Bagi Dimensi Kemahiran Fasilitator	70
4.10	Penguasaan Terhadap Mod Koperatif	72
4.11	Penguasaan Terhadap Mod Hirarki	73
4.12	Penguasaan Terhadap Mod Autonomi	74
4.13	Skor Min dan Sisihan Piawai Secara Keseluruhan Bagi Mod Fasilitator	74
4.14	Perbezaan Min Dimensi Kemahiran Fasilitator Berdasarkan Pengalaman Bekerja	75
4.15	Penguasaan Dimensi Kemahiran Fasilitator Berdasarkan Pengalaman Bekerja	76
4.16	Perbezaan Min Mod Fasilitator Berdasarkan Pengalaman Bekerja	77
4.17	Penguasaan Mod Fasilitator Berdasarkan Pengalaman Bekerja	77



SENARAI RAJAH

1.1	Kerangka Konsep Kajian	13
2.1	Ringkasan Kajian Literatur	18
3.1	Kerangka Operasi Kajian	46
4.1	Histogram Bagi Dimensi Kemahiran Fasilitator	58
4.2	Histogram Bagi Mod Fasilitator	59
4.3	Peratus Taburan Kekekapan Responden Mengikut Jantina	61
4.4	Peratusan Taburan Kekekapan Responden Mengikut Pengalaman Bekerja	62
4.5	Peratusan Taburan Kekekapan Responden Mengikut Fakulti	63



SENARAI SINGKATAN

α	-	Alpha Cronbach
BPTV	-	Bahagian Pengurusan Teknik Dan Vokasional
H_0	-	Hipotesis nul
IPT	-	Institusi Pengajian Tinggi
FKAAS	-	Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar
FKEE	-	Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
FKMP	-	Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan
FPN	-	Falsafah Pendidikan Negara
FPTP	-	Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan
FPTV	-	Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
FSKTM	-	Fakulti Sains Komputer, dan Teknologi Makluma
FSTPI	-	Fakulti Sains, Teknologi, dan Pembangunan Insan
FTK	-	Fakulti Teknologi Kejuruteraan
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
M	-	Min
PTVL	-	Pendidikan Teknikal dan Vokasional dan Latihan
PBM	-	Pembelajaran Berasaskan Masalah
PBP	-	Pembelajaran Berpusatkan Pelajar
pdp	-	Pengajaran dan pembelajaran
PTV	-	Pendidikan Teknik dan Vokasional
SD	-	Sisihan Piawai
SPSS	-	<i>Statistical Package for Social Science</i>
UTHM	-	Universiti Tun Hussien Onn

SENARAI LAMPIRAN

A1	Carta Gantt PS 1	101
A2	Carta Gantt PS 2	102
B	Jadual Krejie dan Morgan (1970)	103
C	Surat Kebenaran Mendapatkan Maklumat Kajian	104
D1	Maklumbalas Pemohonan Data Staf	105
D2	Maklumat Bilangan Populasi Kajian	106
E1	Surat Pengesahan Pakar 1	107
E2	Surat Pengesahan Pakar	109
E3	Surat Pengesahan Pakar 3	111
F	Borang Soal Selidik	113
G	Item Discriminasi	114



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan merupakan salah satu bidang yang amat penting dalam menyumbangkan kepada pembangunan negara. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menjalankan dan merancang pelbagai usaha untuk meningkatkan sistem pendidikan di Malaysia. Di mana KPM menyarankan agar program pendidikan boleh melatih dan melahirkan sumber manusia yang mempunyai kebolehpasaran yang tinggi dan mahir dalam pelbagai bidang (Othman & Buntat, 2008). Perkara ini turut disokong oleh Schleicher (2012), apabila beliau menyatakan kepentingan tentang pembangunan kemahiran baru oleh pelajar. Beliau juga menambah bahawa pembangunan kemahiran ini adalah dipengaruhi oleh pendidik. Oleh itu, timbulnya kesedaran bahawa strategi pengajaran dan pembelajaran (pdp) perlu mengalami perubahan terutamanya di institusi pengajian tinggi (IPT) dengan harapan dapat meningkatkan keberkesannya. Pendekatan pdp yang digunakan dalam sistem pendidikan perlulah seiring dengan matlamat KPM dan boleh menyediakan pelajar dengan nilai tambah dan kemahiran yang menyeluruh. Di mana, salah satu daripadanya adalah melibatkan pendekatan berpusatkan pelajar (PBP) (Ibrahim, 2004).

PBP merupakan pendekatan pengajaran yang melibatkan pengaruh pelajar terhadap kandungan, aktiviti, bahan dan kadar pembelajaran (Collins & O'Brien, 2003). Pendekatan pembelajaran ini meletakkan pelajar sebagai sebagai pemain utama dalam pdp dan perlu bertindak aktif dalam menyelesaikan masalah dengan bantuan pengajar yang bertindak sebagai fasilitator. Pendidik pula berperanan sebagai fasilitator yang

memberikan peluang kepada pelajar untuk belajar secara berdikari dan berkerjasama di antara satu sama lain. Di samping itu, ia turut melibatkan penggunaan kemahiran masing-masing untuk mencapai matlamat pembelajaran yang berkesan (Hashim *et al.*, 2003). Kenyataan ini turut disokong oleh Ibrahim (2004) yang menyatakan bahawa dalam PBP, pendidik berperanan untuk memberikan peluang kepada pelajar untuk belajar secara bebas dan membantu meningkatkan motivasi, pemahaman, serta minat pelajar terhadap pelajaran. Bagi menghasilkan pelajar yang mampu bergerak secara berdikari, IPT adalah digalakkan untuk mengaplikasikan pendekatan ini dalam pdp dan seterusnya dapat merealisasikan saranan KPM dalam melahirkan sumber manusia yang kebolehpasaran yang tinggi dan mahir dalam pelbagai bidang.

Bagi mencapai tujuan tersebut, terdapat ramai pendidik yang mulai sedar tentang keperluan peralihan strategi dalam pdp. Kaedah tradisional bukan lagi strategi pdp yang terbaik dan mampu menyediakan pelajar seperti yang diharapkan oleh KPM. Justeru itu, terdapat beberapa IPT yang telah mengambil langkah awal untuk menggalakkan kakitangan akademiknya terutama pensyarah-pensyarah untuk beralih daripada strategi tradisional kepada PBP (Ibrahim, 2004). Di mana, pendekatan pembelajaran yang digunakan dapat membantu pensyarah menghasilkan pengalaman yang luas. Pensyarah pula mestilah memenuhi beberapa langkah dalam prinsip asas pengajaran berkesan. Mereka juga perlu memahami dengan mendalam peranan yang perlu dimainkan oleh seorang pendidik kepada pelajar melalui pendekatan PBP (Jasmi *et al.*, 2012).

Dalam pendidikan, pensyarah berperanan sebagai pengajar dalam melahirkan pelajar yang berketrampilan dan berkesan. Keberkesanan pensyarah melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka untuk mendidik dan menyampaikan pengajaran bergantung kepada pelbagai faktor yang lazim dibincangkan dalam kajian-kajian mengenai pembelajaran. Penyampaian kuliah di dalam kelas di universiti, maktab perguruan dan mana-mana institusi pendidikan mempunyai kesan yang mendalam kepada pendidikan setiap pelajar (Ibrahim, 2004). Pensyarah-pensyarah sememangnya mempunyai pengalaman dalam menyampaikan syarahan. Ini kerana mereka merupakan pakar-pakar dalam bidang yang diajar dan dengan ini secara tidak langsung mereka dapat menyampaikan syarahan dengan berkesan (Dolman *et al.*, 2002).

Berdasarkan kajian Jasmi dan Salleh (2013), terdapat enam prinsip dalam PBP yang diperkenalkan oleh Brandes dan Ginnes pada tahun 1986. Di mana prinsip keenam menunjukkan secara jelas bahawa pendidik iaitu guru atau pensyarah perlu bertindak sebagai fasilitator dan pemberi maklumat. Ini turut disokong oleh Yasar (2008) yang menekankan bahawa pensyarah merupakan fasilitator bukannya warden penjara dan pelajar mendapat perhatian yang secukupnya, dan dilayan sama rata dan bukannya sebagai binatang yang hendak diajar untuk membuat sesuatu. Di mana, menurut Lee (2006), fasilitator merupakan bidan dalam proses pembelajaran, dan perlu mempunyai kemahiran yang tinggi sebagai ketua tidak aktif.

Fasilitator yang efektif merupakan fasilitator yang mengetahui secara mendalam tentang isi pelajaran, dan mengetahui pelbagai kaedah untuk mempengaruhi pelajar, manakala fasilitator yang kurang efektif adalah fasilitator yang bergantung kepada penyampaian syarahan semata-mata (Malatji, 2014). Oleh itu, fasilitator perlu mahir dan perlu mengetahui bagaimana dan bila untuk campur tangan dan bila untuk berdiam diri dalam sesi pdp. Di samping itu, beliau juga menyatakan kemahiran fasilitator merupakan kemahiran pendidikan yang digunakan untuk menilai perkembangan individu, tekstur dalam pembolehubah sosial dan budaya, dan membantu pelajar berhubung dengan kapasiti dalaman mereka untuk belajar dan memahami pengalaman mereka. Kemahiran fasilitator juga merujuk kepada kemampuan untuk melakukan sesuatu. Kursus-kursus asas tentang '*Pendidik Sebagai Fasilitator*' ada dilaksanakan untuk membantu pensyarah memahami secara mendalam tentang peranan mereka sebagai fasilitator dan penyelia dalam pdp (Ellerani & Gentile, 2013).

Walaupun bagaimanapun, PBP masih kurang diamalkan dalam sistem pendidikan sekarang dan ini menyebabkan tidak ramai pensyarah yang memahami peranan mereka dalam melaksanakan PBP (Turan *et al.*, 2009). Di samping itu, perubahan pendekatan pengajaran telah menyebabkan pertambahan masalah kepada pensyarah mahupun pihak pengurusan kerana suasana proses pembelajaran telah berubah (Yasar, 2008). Hmelo-Silver dan Barrows (2006) pula menyatakan, peranan sebagai fasilitator dalam PBP adalah kritikal dan mereka perlu memantau pelajar secara berterusan, dan memilih dan menggunakan strategi yang bersesuaian dengan pembelajaran pelajar. Oleh itu, penguasaan terhadap teknik kemahiran fasilitator adalah penting untuk menjadikan

seorang pensyarah itu sebagai fasilitator efektif dan berkualiti di dalam kelas. Di samping itu, menurut Oliffe (2000), pensyarah tidak dapat melaksanakan tugas dengan baik apabila mereka kurang berkeyakinan untuk melaksanakan tugas sebagai fasilitator dan perkara ini disebabkan oleh kekurangan kemahiran, serta tidak berpengalaman dalam PBP.

1.2 Latar Belakang Masalah

Dalam pelaksanaan pembelajaran berpusatkan pelajar (PBP), ia menuntut pelajar untuk belajar secara aktif dan membiasakan diri dalam situasi pembelajaran ini, manakala pensyarah hanya sebagai fasilitator sahaja (Sven, 2002). Oleh yang demikian sebagai pensyarah mereka perlu memahami dan menguasai teknik fasilitator bagi memastikan pelajar sentiasa aktif terhadap pembelajarannya dan turut membimbing rakan-rakan yang lain (Neville, 1999). Perkara ini turut disokong oleh Justice dan Jamieson (2012), yang menyatakan fasilitator yang berkesan dalam PBP adalah fasilitator yang sentiasa memastikan tahap penglibatan pelajar-pelajarnya serta menggunakan pelbagai bahan dan sumber untuk meningkatkan keberkesanan PBP.

Ini menunjukkan bahawa fasilitator yang efektif perlu mempunyai ciri-ciri kreadibiliti tinggi, boleh membimbing, memotivasi, merancang dan mempunyai personaliti yang baik (Linder, 2011). Di samping itu, mereka juga perlulah mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran sebagai pakar mata pelajaran, membimbing pelajar untuk mencapai objektif pdp, dan menggalakkan pembelajaran secara kolaboratif. Fasilitator juga perlu melengkapkan diri dengan kemahiran untuk merangsang keupayaan meta-kognitif pelajar dengan memberikan masalah, mempersoalkan, memprovokasi serta menggalakkan pemikiran kreatif pelajar (Wee, 2004).

Spratt *et al.* (2005) turut menyatakan bahawa seorang fasilitator yang berkesan perlu memainkan peranan-peranan seperti berikut membuat persediaan awal dan memikirkan secara mendalam tentang topik yang hendak diajar. Di samping itu, mereka juga perlu memberikan maklumat dengan jelas, memastikan perjalanan pdp adalah mengikut perancangan dan pengurusan yang baik serta memantau proses pdp.

Fasilitator yang baik juga perlu melibatkan diri dalam perbincangan, mewujudkan suasana interaksi yang baik dan selesa, dapat mengesan masalah yang dihadapi oleh pelajar, dapat memberi pendapat dan membantu pelajar untuk menyelesaikan permasalahan.

Schwarz (2002) pula menyatakan bahawa fungsi utama fasilitator adalah untuk membantu pelajar meningkatkan keberkesanan dalam kumpulan dengan memperbaiki proses dan struktur. Proses merupakan bagaimana kumpulan itu bekerja untuk menyelesaikan permasalahan pdp yang diberikan. Ianya termasuklah bagaimana pelajar berinteraksi, berbincang, menyelesaikan masalah, membuat keputusan dan cara mengatasi konflik. Ini merujuk kepada tindakan atau dimensi kemahiran yang perlu dilakukan oleh fasilitator bagi memastikan pelajar mengetahui peranan masing-masing dalam PBP serta dapat membantu mereka menunjukkan reaksi terhadap PBP yang dijalankan. Struktur pula merujuk kepada bagaimana fasilitator meletakkan diri dalam aktiviti kumpulan, contohnya sebagai ketua kumpulan atau sebagai ahli kumpulan. Ia merupakan cara bagaimana fasilitator menunjukkan campur tangan dalam aktiviti pelajar. Ini adalah berkait rapat dengan mod atau tingkah-laku yang ditunjukkan oleh fasilitator semasa PBP.

Di samping itu, menurut Casey *et al.* (1992), terdapat tiga langkah dalam proses fasilitasi iaitu merangkumi cara memberi perhatian kepada kumpulan, cara menjadikan perbincangan berkesan dan cara mewujudkan campur tangan dalam kumpulan. Fasilitator yang efektif merupakan fasilitator yang boleh memaksimumkan peluang semasa PBP dengan menjadi aktif dalam pelbagai cara iaitu perancangan, persediaan, mendengar, menggalakan pemikiran kritis, memberikan maklumbalas, dan memberikan maklumat (Wetzel, 1996).

Walaupun bagaimanapun, masih terdapat ramai pensyarah yang amat sukar untuk mengubah konsep diri dari mengajar kepada konsep sebagai fasilitator dalam pembelajaran aktif (Neville, 1999 dan Bolhuis & Voeten, 2000). Ini turut disokong oleh Dolman *et al.* (2002), apabila beliau menyatakan bahawa terdapat ramai pensyarah yang tidak selesa untuk mengubah konsep kepada fasilitator kerana mereka sangat selesa dengan kaedah pengajaran secara tradisional. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak mencapai objektif pembelajaran berkesan yang diharapkan. PBP menjadi tidak berkesan

apabila pelajar-pelajar tidak mengetahui objektif pembelajaran, tidak bermotivasi, tidak memahami peranan yang perlu dimainkan, dan hilang tumpuan terhadap pdp yang disertainya (Schwarz, 2002). Di samping itu strategi pembelajaran yang menggunakan teknik syarahan menyebabkan pelajar tidak aktif dalam pdp (Ibrahim, 2004).

Keadaan ini berlaku apabila peranan yang dimainkan oleh pensyarah adalah tidak selari dengan peranan sebagai fasilitator yang sebenar. Mereka hanya mempunyai sedikit pengalaman sahaja berkaitan dengan peranan utama fasilitator semasa PBP (Nemser, 1996). Pensyarah juga dilihat tidak menumpukan perhatian untuk mengajar pelajar bagaimana cara untuk bertindak dalam PBP (Bolhuis & Voeten, 2001). Di samping itu, terdapat juga pensyarah yang kurang berkemahiran untuk membantu pemahaman pelajar dan menyebabkan pendapat atau idea yang diberikan tidak mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh pelajar (Brown, 2002). Pensyarah muda misalnya masih terasa sukar dalam semua aspek pengajaran seperti perancangan, pelaksanaan dan penilaian pengajaran (Ertmer & Simons, 2000). Permasalahan ini berlaku kerana pensyarah kurang pengalaman tentang struktur dalam proses fasilitasi, di mana terdapat pensyarah yang menyatakan rungutan bahawa mereka tidak mempunyai garis panduan untuk diikuti (Mokgele, 2006).

Disamping itu, pensyarah juga seringkali melakukan *default* dalam melaksanakan tugas mereka. Contoh *default* yang seringkali dilakukan oleh pensyarah pada masa kini ialah tidak memainkan peranan sebagai penggalak, atau pemotivasi, tidak mempedulikan bakat yang ada pada pelajar, tidak menegur pelajar yang bertingkah laku janggal dan mereka menganggap kemampuan kognitif setiap pelajar adalah sama (Shaari *et al.*, 2012). Ini menyebabkan perkembangan pelajar tidak dapat dinilai dengan berkesan. Walhal perkembangan dan pencapaian pelajar dalam PBP adalah bergantung kepada kaedah pengajaran dan penilaian yang diamalkan oleh pensyarah (Ibrahim, 2004).

Selain itu, berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Das *et al.* (2002), pelajar-pelajar menyatakan bahawa terdapat pensyarah yang kurang berinteraksi, tidak mempunyai kesungguhan serta bersikap negatif terhadap PBP. Pelajar juga tidak berpuas hati dengan cara pensyarah memberi bimbingan terhadap mata pelajaran yang diajar. Di mana, mereka menyatakan mereka memerlukan nota dan jawapan kepada soalan yang diberikan di akhir PBP. Pensyarah juga tidak memberikan sumber rujukan

yang mencukupi dan ini menyebabkan pelajar kurang berpuas hati dengan tahap keberkesanan pensyarah sebagai fasilitator.

Di samping itu, menurut Unal dan Unal (2012), masih terdapat pensyarah yang tidak membuat perancangan secukupnya sebelum memulakan kelas dan perkara ini mempengaruhi pelajar untuk mencapai objektif pembelajaran mereka. Perkara ini turut dipersetujui oleh Jacques (2000), di mana menurut beliau, pengurusan kelas yang teruk adalah disebabkan oleh sikap pensyarah yang tidak membuat perancangan yang menyeluruh terhadap pengajaran yang hendak disampaikan kepada pelajar. Terdapat juga rungutan daripada pensyarah yang menyatakan mereka tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk melaksanakan PBP dan mereka berasa amat sukar untuk mempengaruhi pelajar supaya bertindak aktif semasa PBP (Etrmer & Simons, 2000). Keadaan ini membuktikan bahawa masih terdapat pensyarah yang kurang menguasai pemilihan mod fasilitator yang perlu digunakan untuk membantu pelajar menunjukkan kebolehan dan kemahiran masing-masing.

Oleh yang demikian, penguasaan teknik kemahiran fasilitator oleh pensyarah adalah penting untuk dikaji bagi memastikan sejauhmana pensyarah mengaplikasikan dan menguasai kemahiran sebagai fasilitator dalam PBP. Menurut Galajda (2012), teknik fasilitator berdasarkan Model Fasilitasi Heron (2006) merupakan model terbaik untuk dijadikan panduan kepada fasilitator dalam PBP. Ia merangkumi elemen-elemen dimensi kemahiran menguruskan kelas dan cara fasilitator menunjukkan campur tangan atau perhatian semasa PBP. Gabungan di antara kedua-duanya membuatkan model ini adalah paling holistik untuk digunakan dan merupakan suatu model fasilitasi yang tersusun dan dapat memudahkan proses fasilitasi terutamanya dalam PBP.

1.3 Pernyataan Masalah

Selari dengan matlamat Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk menghasilkan sumber manusia yang mempunyai kebolehpasaran yang tinggi dan mahir dalam pelbagai bidang, maka wujud kesedaran tentang pendekatan pdp perlu berubah terutama di institusi pengajian tinggi (IPT). Ianya untuk menyediakan pelajar yang mempunyai nilai tambah dan mahir. Pembangunan kemahiran baru oleh pelajar adalah penting dan kemahiran baru ini adalah dipengaruhi oleh pendidik. Justeru itu, pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar (PBP) adalah bersesuaian untuk mencapai tujuan tersebut. Dalam PBP, pelajar berperanan untuk bertindak aktif dalam menyelesaikan masalah manakala pensyarah pula berperanan sebagai fasilitator yang membenarkan pelajar bertindak secara bekerjasama dan berdikari. Namun demikian, disebabkan oleh PBP masih kurang diamalkan dalam sistem pendidikan pada masa kini, ia menyebabkan pensyarah kurang memahami peranan mereka dalam PBP. Disebabkan perkara ini pensyarah sering melakukan *default* dalam melaksanakan tugas mereka. Contoh *default* yang seringkali dilakukan oleh pensyarah ialah tidak memainkan peranan sebagai penggalak, atau pemotivasi, tidak mempedulikan bakat yang ada pada pelajar, tidak menegur pelajar yang bertingkah laku janggal dan mereka menganggap kemampuan kognitif setiap pelajar adalah sama. Selain itu, terdapat juga reaksi daripada pelajar yang menyatakan mereka tidak berpuas hati dengan cara pensyarah memberi bimbingan terhadap mata pelajaran yang diajar. Di samping itu, terdapat pensyarah yang tidak menjalankan tugas sebagai fasilitator seperti yang diharapkan. Pensyarah tidak tahu bagaimana untuk melibatkan pelajar dalam PBP. Keadaan ini menyebabkan pelajar tidak mendapat kemahiran-kemahiran seperti yang diharapkan dan ini adalah bertentangan dengan kehendak KPM. Justeru itu, kajian ini adalah penting untuk mengetahui penguasaan teknik kemahiran fasilitator oleh pensyarah dalam memberi bimbingan kepada pelajar melalui pelaksanaan PBP di mana fokus kajian adalah berdasarkan kepada Model Fasilitasi Heron (2006).

1.4 Objektif Kajian

Dalam kajian ini, objektif kajian yang hendak dicapai adalah seperti berikut:

- (i). Mengenalpasti penguasaan dimensi kemahiran fasilitator oleh pensyarah dalam melaksanakan pembelajaran berpusatkan pelajar (PBP).
- (ii). Mengenalpasti mod fasilitator yang digunakan oleh pensyarah dalam melaksanakan PBP.
- (iii). Mengenalpasti perbezaan penguasaan dimensi kemahiran fasilitator oleh pensyarah dalam melaksanakan PBP berdasarkan pengalaman bekerja.
- (iv). Mengenalpasti perbezaan mod fasilitator yang digunakan oleh pensyarah dalam melaksanakan PBP berdasarkan pengalaman bekerja.

1.5 Persoalan Kajian

Dalam kajian ini, terdapat beberapa persoalan kajian yang telah ditentukan, iaitu:

- (i). Sejauhmanakah penguasaan dimensi kemahiran fasilitator oleh pensyarah dalam melaksanakan pembelajaran berpusatkan pelajar (PBP)?
- (ii). Apakah mod fasilitator yang digunakan oleh pensyarah dalam melaksanakan PBP?
- (iii). Adakah terdapat perbezaan penguasaan dimensi kemahiran fasilitator oleh pensyarah dalam melaksanakan PBP berdasarkan pengalaman bekerja?
- (v). Adakah terdapat perbezaan mod fasilitator yang digunakan oleh pensyarah dalam melaksanakan PBP berdasarkan pengalaman bekerja?

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian adalah seperti berikut:

H_{01} = Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara penguasaan dimensi kemahiran fasilitator oleh pensyarah dalam melaksanakan pembelajaran berpusatkan pelajar (PBP) berdasarkan pengalaman bekerja.

H_{02} = Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara mod fasilitator yang digunakan oleh pensyarah dalam melaksanakan PBP berdasarkan pengalaman bekerja.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah penting untuk mengetahui penguasaan teknik fasilitator dalam membimbing pelajar melalui pembelajaran berpusat pelajar (PBP). Justeru itu, hasil kajian adalah sangat penting kepada beberapa pihak-pihak berdasarkan elemen-elemen dalam kajian ini.

(i). Pelajar

Dengan merujuk kepada hasil kajian, pelajar dapat mengetahui teknik-teknik fasilitator yang digunakan oleh pensyarah dalam melaksanakan PBP. Di samping itu, ia juga dapat memberikan kesedaran kepada pelajar tentang kepentingan fasilitator dalam membantu mereka mencapai kualiti yang diharapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Di mana, KPM amat menekankan penghasilan pelajar yang mempunyai kemahiran yang tinggi dan mempunyai ciri kebolehpasaran tinggi demi pembangunan negara kelak.

(ii). Pensyarah

Berdasarkan kajian ini, ianya dapat menyedarkan pensyarah tentang teknik-teknik fasilitator yang berkesan dalam melaksanakan PBP. Di mana ianya adalah penting untuk membantu pelajar mencapai matlamat PBP. Di samping itu, hasil kajian juga dapat membantu pensyarah untuk mempraktikkan teknik-teknik

RUJUKAN

- Abdullah, S. (2005). *Guru Sebagai Fasilitator*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Abdullah, M. C., Roslan, S., & Sulaiman, T. (2011). *Strategi Pengajaran Pembelajaran Di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Anjakan Paradigma*. Dicapai pada October. 25, 2014 , dari <http://www.medic.com.my>
- Abu, B., Md. Johan, O., Syed Mansor, S. M. S. & Jaafar, H. (2007). *Kepelbagaian Gaya Pembelajaran Kemahiran Belajar Pelajar Universiti Di Fakulti Pendidikan, UTM Johor*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Abu Bakar, N. N., Hamzah, R., & Udin, A. (2011). Cabaran-cabaran Dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional Dalam Membangunkan Sumber Manusia. *Journal of Edupres*, 1, 159 – 164..
- Aiken, L. S. (2000). *Psychology Testing and Assessment*. Boston: Allyn & Bacon.
- Avolio, B.J. & Bass, B.M. (2004). *Multifactor Leadership Questionnaire. Manual and sampler set*. 3rd ed. Redwood City, CA: Mindgarden.
- Boeije, H. (2010). *Analysis in Qualitative Research*. London: SAGE.
- Bolhuis, S. dan Voeten, M. J. M. (2000). *Toward Self-directed Learning In Secondary Schools: What Do Teachers Do?* Teaching and Teacher Education, 837-855.
- Bond, T.G. & Fox, C.M. (2007). *Applying The Rasch Model: Fundamental Measurement in the Human Sciences*. N.J: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.
- Brown, M. (2002). The facilitator as gatekeeper: A critical analysis of social order in facilitation sessions. *Journal of Adventure Education and Outdoor Learning*, 2(2), 101-112.
- Burns, N. & Grove, S. K. (2003). *The Practice of Nursing Research: Conduct, Critique And Utilization*. Toronto: WB Saunders.
- Casey, D., Roberts, P. & Salaman, G. (1992). Facilitating Learning in Groups, Learn How To Take In What Is Going On, Make Sence Of It And Intervene To

- Help The Group. *Leadership and Organisation Development Journal*, 13 (4), 8 -11.
- Chua, Y.P. (2006). *Asas Statistik Penyelidikan*. Edisi Kedua, Malaysia: Mc Graw Hill.
- Chua, Y. P. (2006), *Kaedah Penyelidikan*. Edisi Pertama, Malaysia: Mc Graw Hill.
- Claire, H. M. & Betsy (2001). Assessing The Effectiveness of Problems Based Learning In Higher Education Lesson From Literature. *Academic Exchange Quarterly*, 5(1).
- Collins, J. W. & O'Brien, N. P. (2003). *Greenwood Dictionary of Education*. Westport, CT: Greenwood Publishing Group.
- Das, M., Mporfu, D. J. S., Hasan, M. Y., dan Stewart, T. S. (2002). Student Perceptions of Tutor Skills in Problem-based Learning Tutorials. *Medical Education*, 36, 272 – 278.
- Dolmans, D. H. J. M., Gilselaers, W. H, Moust, J. H. C., De Grave, W., Wolfhagen, I. H. A. P., & Vleuten, V. (2002). Trends In Research On Tutor In Problem-based Learning: Conclusion and Implications for Educational Practice and Research. *Medical Teacher*, 24(2), 173-180.
- Ellerani, P. & Gentile, M. (2013). The Roles of Teachers As Facilitators to Develop Empowering Leadership and School Communities Supported By The Method Of Cooperative Learning. *Procedia – social and Behavior Sciences* , 93, 12 – 17.
- Ertmer, A. P. & Simons, K. D. (2000). *Scaffolding Teacher's Effort to Implement Problem-based Learning*. Dicapai pada May, 13, 2015, dari <http://www.edci.purdue/ertmer/docs/Ertmer-LC05.pdf>
- Froyd, J. dan Simpson, N. (2010). *Student-centered Learning Addressing Faculty Questions About Student Centered Learning*. Dicapai pada October, 18, 2014 dari ccliconference.org/files/2010/03/Froyd_Stu-CenteredLearning.pdf
- Galajda, D. (2012). Teacher's Action Zone in Facilitating Group Dynamics. *Lingvarm Arena*, 3, 89 – 101.
- Ghafar, M. N. M. (2003), *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Goldie, J., Schwartz, L., & Morrison, J. (2000). A Process Evaluation of Medical Ethics Education In The First Year New Medical Curriculum. *Medical Education*, 34, 463 – 468.

- Hamid, M. A. A., Junoh, A. M., Shah, I. M., & Balwi, M. K. M. (2004). *Pembelajaran Arahan Kendiri dan Hubungannya Dengan Kefahaman Terhadap E-Pembelajaran: Satu Kajian Di Kalangan Staf Akademik Universiti Teknologi Malaysia, Skudai*. Dicapai pada Jun 19, 2015 dari <http://eprints.utm.my/2719/1/71977.pdf>
- Hashim, S., Yaakub, R. & Ahmad, Z. (2003). *Pedagogi Strategi dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*. Edisi Pertama. Pahang: PTS Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- Hersey, P. & Blanchard, K. H. (1982). *Management of Organizational Behavior*. Eaglewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Heron, J. (1993). *Group Facilitation Theories and Models For Practice*. London: Kogan Page.
- Heron, J. (2006). *The Compute Facilitator's Handbook*. London: Kogan Page.
- Hmelo-Silver, C. E. & Barrows, H. S. (2006). Goals and Strategies of a Problem-based Learning Facilitator. *Interdisciplinary Journal of Problem-Based Learning*, 1(1), 21 – 39.
- Huba, M. E. dan Freed, J. E., (2000), *Learner-centered Assessment on College Campuses: Shifting The Focus From Teaching to Learning*. Needham Height, MA: Allyn and Bacon.
- Ibrahim, A. Pembelajaran Berpusatkan Pelajar dan Kaitannya Dengan Pembangunan Diri dan Peluang Pekerjaan. *Seminar Penyelidikan Pendidikan Guru Peringkat Kebangsaan*. 8 – 9 September. Pahang, Malaysia: Universiti Malaysia Pahang. 2004.
- Ishak, I. Z. (2002). *Kualiti Pensyarah Politeknik Lulusan Sarjana Pendidikan Kolej Universiti Tun Hussein Onn*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Jacques, D. (2000). *Learning In Group*. 3rd ed. London: Kogan Page.
- Jasmi, K. A., & Salleh, N. Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar dalam Kecemerlangan Pendidikan Islam dan Guru di Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes. *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam (ICIED2013)*. Johor, Malaysia: Universiti Teknologi Malaysia. 2013. ms 773 – 783.
- Jasmi, K. A., Talip, O. & Ilias, M. F. Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Berpusatkan Pelajar. *Seminar Antarabangsa Perguruan*

- dan Pendidikan Islam*. Johor, Malaysia: Universiti Teknologi Malaysia. 2012. ms 33 – 40.
- Jasmi, K. A. dan Tamuri, A. H. (2007). *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Johanson, G. A. & Brooks G. P. (2010). Initial Scale Development: Sample Size for Pilot Studies. *Educational and Psychological Measurement*, 70 (3). 394 – 400.
- Justice, T. & Jamieson, D. W. (2012), *The Facilitator'S Field Book*, 3rd ed. United State: HRD Press.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Katkat, D. (2014). The Leadership Abilities of The Teachers. *Procedia – Sosial and Behaviour Sciences*, 116, 3880 – 3885.
- Kent, T. W., Blair C. A. & Rudd, H. F. (2010), Gender Differences and Transformatinal Leadership Behaviour: Do Both German Men and Women Lead The Same Way? *International Journal of Leadership Studies*, 6(1), 52 – 66.
- Khalid, N. I., Asimiran, S. dan Lope Pihie, Z. A, (2012). Kesediaan Guru-guru Pelajaran Aliran Vokasional Melaksanakan Program School Enterprise di Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional. *Jurnal Teknologi Universiti Teknologi Malaysia*, 59 , 29 – 39.
- Kilinc, A. C., Recepoglu, E. & Kosar S. (2014). Relationship Between High School Principals' Humor Styles and Teacher Leadership. *International Jurnal of Education*, 6 (3), 133 – 156.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determining Size for Research Activities. *Educational and Psycological Measurement*, 30, 607 – 610.
- Kusnin, Z. (2014). *Etika Dan Integriti Guru Dalam Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Bagi Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Laporan Penyelidikan Kemahiran Fasilitator Jun 23, (2003). Georgia: Leadership Strategies Inc.
- Linder, S. M. (2011). *The Facilitator's Role in Elementary Mathematics Professional Development*. MTED, 13 (2), 44 – 66.
- Lee, A. (2006). *Can You Recognise A Good Fasilitator When You See One?* Dicapai pada November, 12, 2014, dari <http://core.ac.uk/download/pdf/101084.pdf>

- Lewin, K. (1939). Pattern of Aggressive Behaviour in Experimentally Created 'Social Climate'. *Journal of Psychology*, 10, 271 – 299.
- Lucas, S. G. dan Bernstein, A. (2005). *Teaching Psychology a Step By Step Guide*. London: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.
- Malatji, K. S. (2014). A Call for Lecturers to Move Away from Traditional Teaching to Facilitation in the Institutions of Higher Education: Challenges Encountered by Lecturers in the First Year Classes of a Rural University of the Eastern Cape. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 5 (11), 123 – 129.
- Marican S. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sosial Sains*. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Martin, N. K. & Sass, D. A. (2010). Construct Validation of the Behavior and Instructional Management Scale. *Teaching and Teacher Education*, 26(5), 1124-1135.
- Minghat, A. D., Yasin, R. M., Subari, K. & Noordin, M. K. Strategi Kelasterian Pembangunan Pendidikan Teknikal dan Vokasional. *2nd International Semina on Quality and Affordable Education*. Selangor, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia. 2013. ms 493 – 504.
- Mohd Razali, N. dan Wah, Y. B. (2011). Power Comparisons of Sapiro-Wilk, Kolmogorov-Smirnov, Lilliefors and Anderson-Darling Tests. *Journal of Statistical Modeling and Analytics*, 2(1), 21 -23.
- Mokgele, E. L. (2006). Facilitation As A Teaching Strategy: Experiences of Facilitator. *Curationis*, 29 (3), 61 – 69.
- Mohd Yusof, K. & Abdul Aziz, A. Problem-based Learning In Engineering Education: A Viable Alternative for Shaping Graduates for 21st Century? *Seminar Pendidikan Kejuruteraan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Universiti Teknologi Malaysia. 2004. Dec 14-15.
- Mohd Yusoff, M. A. (2008). *Perspektif Pensyarah dan Pelajar Kejuruteraan Mekanikal Terhadap Outcomes Based Learning (OBL) di Politeknik*. Universiti Tun Hussien Onn: Tesis Sarjana.
- Muhammad, A., Abdullah, A. H., Jasmi, K. A., & Mohd Nor, S. S. (2006). Penguasaan Pelajar Sekolah Menengah Aliran Agama Terhadap Pengajian Ilmu Retorik Arab. *Monograf Penyelidikan Universiti Teknologi Malaysia*. Vot 75193.

- Nemser, F. S. (1996). *Mentoring: A Critical Review*. Washington DC: Eric Clearinghouse on Teaching and Teacher Education.
- Neville, A. J. (1999). The Problem-based Learning: Teacher? Facilitator? Evaluator? *Medical Teacher*, 21 (4): 393-401.
- Nulty, D. D. (2008). The Adequacy of Response Rates To Online And Paper Surveys: What Can Be Done? *Assessment and Evaluation in Higher Education*, 33(3), 301 – 314.
- Oliffe, J. (2000). Facilitation in Problem Based Learning (PBL) - Espoused Theory Versus Theory in Use: Reflections of a First Time User. *The Australian Electronic Journal of Nursing Education*. 1 – 9.
- Othman, H. dan Buntat, Y. Model Penerapan Kemahiran Employability IPTA Berkonsepan PBM. *Seminar Penyelidikan Pendidikan Pasca Ijazah*. Johor, Malaysia: Universiti Teknologi Malaysia. 2008. ms 25 – 27.
- Palaniappan, A. K. (2009). *Penyelidikan dan SPSS (PASW)*. Kuala Lumpur: Prentice Hall Pearson.
- Pavlova, M. Learning for Innovation in Technology Education, *3rd Proceeding of International Conference on Technology Education Research*. 2004. ms 36 – 45.
- Peggie, C, Hamzah, R. dan Udin, A. (2011). PTV Diutamakan, Self-actualization Didahulukan. *Journal of Edupres*, 1, 165 – 172.
- Sabburg, J., Fahey, P. & Brodie, L. (2006). Physics Concept: Engineering PBL at USQ. *Proceeding of 17th National Congress*. Brisbane: River Phys. ms. 105.
- Schleicher, A. (2012). *Preparing Teachers and Developing School Leaders for the 21st Century*. Brussels: OECD.
- Schwarz, R. (2002). *The Skilled Facilitator: A Comprehensive Resource For Consultants, Facilitators, Managers, Trainers, and Coaches*. San Francisco: Jossey-Bass
- Shaari et. al. (2012). Hubungan Antara Gaya Pengajaran Pensyarah Dengan Penglibatan Akademik Pelajar. *Seminar Kebangsaan Majlis Dekan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia. ms. 1 – 17.
- Spratt, M., Pulverness, A. & William, M. (2005). *The Teacher's Knowledge Test Course*, TKT University of Cambridge Press. Dicapai pada April 22, 2015, dari <http://www.slideshare.net/desinwijaya/classroom-management-n-learning-style>

- Sven, K. E. (2002). *Project Based Learning (PBL) In A Course On Mechanisms And Machine Dynamics*. *World Transactions on Engineering and Technology Education*, 1(2), 201-204.
- Teijlingen, E. R. V. & Hundley, V. (2001). The Importance of Pilot Studies. *Social Research Update*. Dicapai pada Jun 1, 2015, dari sru.soc.surrey.ac.uk/SRU35.pdf
- Terzi, C. (2001). Identifying the Opinions of Teachers on Classroom Management Styles. Turkey: Anadolu University.
- Thomas, J. W. (2000). A Review of Research On Project-based Learning. *Phd Thesis*, dicapai pada May, 26, 2015 dari www.bobpearlman.org.BestPractice/PBL_Research.pdf
- Thomas, G. (2008). *Facilitator, Teacher, or Leader? Managing Conflicting Roles In Outdoor Education*. Australia: La Trobe University.
- Tsang, V. H. M., Shahrill, M. dan Malik Finti, N. F. The Leadership Styles of Secondary Mathematics Teacher in Brunei Darussalam. *Proceedings of SOCIOINT-14 – International Conference on Social Sciences and Humanities*. Istanbul, Turkey. 2006. ms 923 – 931.
- Turan, S., Elcin, M., Odabasi, O., Ward, K., & Sayek, I. (2009). Evaluating The Role Of Tutors In Problem-based Learning Session. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 5 – 8.
- Unal, Z. dan Unal A. (2012). The Impact of Years of Teaching Experience On The Classroom Management Approaches of Elementary School Teachers. *International Journal of Instruction*, 5(2), 41 – 58.
- Vagias, W. M. (2006). *Likert-type scale response anchors*. Clemson International Institute for Tourism and Research Development: Clemson University.
- Wee, K. N. (2004). *Jump Start Authentic Problem-based Learning*. Singapore: Prentice Hall Pearson Publication South Asia Pte. Ltd.
- Wetzel, M. S. (1996). Developing the Role of Tutor/Facilitator. *Postgraduate Medical Journal*, 72 (850), 474 – 477.
- Yasar (2008). *Classroom Management Approaches of Primary School Teacher*. Middle East Technical University: Thesis Sarjana.
- Wahid, A. A. (2001). *Mengkaji Hubungkait Antara Gaya Kepimpinan Pensyarah dan Prestasi Pelajar Bagi Kursus Pengenalan Komputer Di Politeknik Johor Bharu*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.

Widhiarso, W. (2001). Reliabilitas dan Seleksi Item. *SPSS Untuk Psikologi*. Dicapai pada April 28, 2015, di <http://widhiarso.staff.ugm.ac.id>

